



**GARIS PANDUAN  
KAEDAH PENGIRAAN  
PERUBAHAN KURIKULUM  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

## KANDUNGAN

|  |   |
|--|---|
| 1. PENGENALAN .....                                  | 2 |
| 2. SKOP .....  | 2 |
| 3. TUJUAN .....                                      | 2 |
| 4. KLASIFIKASI KOMPONEN PERUBAHAN KURIKULUM .....    | 2 |
| 5. KAEDAH PENGIRAAN PERUBAHAN KURIKULUM DI UMS ..... | 4 |
| 6. TARIKH KUATKUASA.....                             | 5 |
| 7. PEMAKAIAN .....                                   | 5 |
| 8. LAMPIRAN .....                                    | 5 |

GARIS PANDUAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH SENAT PADA MESYUARAT BIL. 1/2020  
[KALI KE-176] 20 FEBRUARI 2020

# **GARIS PANDUAN KAEDAH PENGIRAAN PERUBAHAN KURIKULUM UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

## **1. PENGENALAN**

Semakan kurikulum di setiap Fakulti/Pusat/Institut perlu dilaksanakan secara berkala dan sistematik, dalam menjamin keberkesanan, kualiti dan kelestarian program akademik yang ditawarkan. Garis panduan ini adalah sebagai rujukan dan panduan bagi kaedah pengiraan perubahan kurikulum program akademik yang ditawarkan oleh Fakulti/Pusat/Institut (F/P/I) di UMS.

## **2. SKOP**

Garis panduan ini terpakai untuk semakan kurikulum di peringkat Diploma, Prasiswazah dan juga pascasiswazah.

## **3. TUJUAN**

Kaedah pengiraan ini bertujuan untuk membolehkan setiap fakulti dan program mengetahui peratusan perubahan kurikulum yang dilaksanakan di dalam proses semakan kurikulum.

## **4. KLASIFIKASI KOMPONEN PERUBAHAN KURIKULUM**

Terdapat dua (2) klasifikasi komponen perubahan kurikulum iaitu komponen program dan komponen kursus. Berikut adalah butiran bagi komponen yang berkaitan :

### **4.1**   Komponen program

| KOMPONEN PROGRAM          | KOMPONEN SEMAKAN                  | DESKRIPSI PERUBAHAN KURIKULUM   |  |
|---------------------------|-----------------------------------|---|--|
|                           |                                   | BERUBAH   | TIDAK BERUBAH                          |
| <b>PEO dan PLO</b>        | Kandungan dan Bilangan Pernyataan | 1. PEO digugur DAN diganti<br>2. PEO digugur TANPA diganti<br>3. PEO ditambah | 1. PEO dikekalkan<br>2. PEO dimurnikan |
|                           |                                   | 1. PLO digugur DAN diganti<br>2. PLO digugur TANPA diganti<br>3. PLO ditambah | 1. PLO dikekalkan<br>2. PLO dimurnikan |
| <b>Struktur Kurikulum</b> | Tempoh Pengajian                  | Tempoh Pengajian Berubah  | Tempoh Pengajian Kekal                 |
|                           | Jumlah Kredit Keseluruhan         | Pengurangan ATAU Pertambahan Jumlah Jam Kredit                                | Jumlah Jam Kredit Kekal                |

#### 4.2 Komponen kursus

| KURSUS | Perubahan Kursus dalam Kurikulum |
|--------|----------------------------------|
|        |                                  |

## 5. KAEDAH PENGIRAAN PERUBAHAN KURIKULUM DI UMS

Kaedah pengiraan perubahan kurikulum di UMS adalah berdasarkan komponen seperti berikut;

### 5.1 Komponen Program

| KOMPONEN PROGRAM | KOMPONEN SEMAKAN                  | DESKRIPSI PERUBAHAN KURIKULUM   |  |
|------------------|-----------------------------------|---|--|
|                  |                                   | BERUBAH   | TIDAK BERUBAH                          |
| PEO dan PLO      | Kandungan dan Bilangan Pernyataan | 1. PEO digugur DAN diganti<br>2. PEO digugur TANPA diganti<br>3. PEO ditambah | 1. PEO dikekalkan<br>2. PEO dimurnikan |
|                  |                                   | 1. PLO digugur DAN diganti<br>2. PLO digugur TANPA diganti<br>3. PLO ditambah | 1. PLO dikekalkan<br>2. PLO dimurnikan |

5.1.1 Sub-komponen struktur kurikulum yang merujuk kepada perubahan tempoh pengajian dan jumlah jam kredit keseluruhan tidak diambil kira di dalam pengiraan peratusan perubahan kurikulum memandangkan perubahan ini adalah berbentuk perubahan struktur yang memerlukan kelulusan di peringkat JKPT.

5.1.2 Merujuk kepada Prosedur Khusus Semakan Kurikulum dalam Manual Kualiti MS ISO 9001:2015 (UMS/PK/06), perubahan-perubahan struktur program seperti disenaraikan di bawah memerlukan kelulusan JKPT;

- (i) Nama Program
- (ii) Jawatankuasa Bergraduat
- (iii) Tempoh Pengajian
- (iv) Perubahan Editorial

## 5.2 Komponen Kursus

| <b>KURSUS BERUBAH</b>  | <b>KURSUS TIDAK BERUBAH</b>   |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>❖ Kursus Baharu</li><li>❖ Jam kredit berubah</li><li>❖ Course Learning Outcome (CLO) Kursus ditambah, digugurkan atau berubah domain</li><li>❖ Kursus yang distruktur semula (30% dan lebih)</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>❖ Kod kursus dan/atau Nama kursus berubah tanpa perubahan isi kandungan kursus</li><li>❖ Perubahan di dalam :<ul style="list-style-type: none"><li>i) Kandungan Kursus kurang daripada 30%</li><li>ii) Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran</li><li>iii) Strategik Pentaksiran</li><li>iv) Agihan Student Learning Time (SLT)</li></ul></li></ul> |

5.2.1 Contoh pengiraan peratusan perubahan dijelaskan di dalam Lampiran 1 manakala ringkasan perubahan dinyatakan di dalam lampiran 2.

## 6. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini berkuatkuasa pada tarikh Kelulusan Senat iaitu **mulai 20 Februari 2020**.

## 7. PEMAKAIAN

Pemakaian garis panduan ini adalah tertakluk kepada dasar dan peraturan yang sedang berkuatkuasa di Universiti Malaysia Sabah.

## 8. LAMPIRAN

Lampiran 1 – Contoh Pengiraan Peratusan Perubahan

Lampiran 2 – Jadual Ringkasan Perubahan

## LAMPIRAN 1: CONTOH PENGIRAAN

### Contoh 1: Perubahan di dalam PEO atau PLO

a) Perubahan di dalam PEO atau PLO boleh berlaku sekiranya :

- i. Terdapat perubahan di dalam bilangan PEO atau PLO. Sama ada PEO atau PLO berkurangan atau bertambah.

| Perkara  | Bilangan PEO Atau PLO Yang Asal<br>(A) | Bilangan PEO Atau PLO Yang Baharu<br>(B) |
|--|--|--|
| PEO  | 3                                      | 5  |
| Peratus Perubahan C = $[B - A] / A \times 100$<br>= $[5 - 3] / 3 \times 100$ |  | 40%                                      |

|   |   |       |
|---|---|-------|
| PLO   | 8 | 11    |
| Peratus Perubahan C = $[B - A] / A \times 100$<br>= $[11 - 8] / 8 \times 100$ |   | 37.5% |

Jumlah Perubahan PEO dan PLO = 40% + 37.5% = 77.5%

- ii. Terdapat perubahan pernyataan PEO atau PLO yang membawa perubahan maksud (perubahan domain) kepada PEO atau PLO yang asal.

| Perkara  | Bilangan PEO Atau PLO Yang Asal<br>(A) | Bilangan PEO Atau PLO Yang Berubah<br>(B) |
|--|--|---|
| PLO  | 8                                      | 2   |
| Peratus Perubahan C = $B/A \times 100$<br>= $2/8 \times 100$ |  | 25%                                       |

### Contoh 2: Perubahan di dalam Kursus

a) Terdapat perubahan di dalam komponen kursus teras program setelah semakan di buat:

| Perkara  | Jam Kredit baharu |
|--|-------------------|
| 1. BP12003 berubah daripada 2 jam kredit kepada 3 jam kredit       | 3                 |
| 2. BP12103 berubah domain di dalam CLO (3 jam kredit)              | 3                 |
| 3. BP22003 berubah isi kandungan lebih daripada 30% (3 jam kredit) | 3                 |
| JUMLAH   | 9                 |

b) Cara pengiraan:

| <b>Perkara</b>  | <b>Jumlah Jam Kredit Yang Asal<br/>(A)</b> | <b>Jumlah Jam Kredit Kursus Yang Berubah<br/>(B)</b> |
|---|--|--|
| Kursus<br>Teras<br>Program                                    | 54   | 9  |
| Peratus Perubahan $C = B/A \times 100$<br>$= 9/54 \times 100$ |  | 16.7%  |



## LAMPIRAN 2: JADUAL RINGKASAN PERUBAHAN

| KOMPONEN PROGRAM | KOMPONEN SEMAKAN                  | PERUBAHAN  | TINDAKAN   |
|------------------|-----------------------------------|--|--|
| Struktur Program | Nama Program                      | Perubahan di dalam nama ijazah   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlu dibawa ke mesyuarat               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ JKPA</li> <li>○ Senat</li> <li>○ LPU</li> <li>○ JKPT</li> </ul> </li> <li>• dan pemakluman kepada MQA</li> </ul>   |
|                  | Jumlah Jam Kredit Keseluruhan     | Bertambah atau berkurang   |  |
|                  | National Education Code (NEC)     | Bertukar NEC   |  |
|                  | Kaedah Pengendalian               | Bertukar atau bertambah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sepenuh masa</li> <li>• Separuh masa</li> <li>• WBL</li> <li>• ODL</li> </ul> |  |
|                  | Tempoh Pengajian                  | Bertambah atau berkurang tahun pengajian dan/ atau semester pengajian  |  |
| PEO atau/dan PLO | Kandungan dan bilangan pernyataan | 1. PEO dikekalkan<br>2. PEO dimurnikan   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlu dibawa dan diluluskan ke Mesyuarat Jawatan kuasa Akademik Fakulti</li> <li>• Pemakluman kepada PKPKA</li> </ul>   |
|                  |                                   | 1. PLO dikekalkan<br>2. PLO dimurnikan   |  |
|                  |                                   | 1. PEO digugur DAN diganti<br>2. PEO digugur TANPA diganti<br>3. PEO ditambah  | Perlu dimasukkan di dalam pengiraan perubahan kurikulum. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekiranya perubahan 30% atau pun kurang daripada 30%;               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Perlu dibawa dan diluluskan ke mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti.</li> <li>○ Pemakluman kepada PKPKA.</li> </ul> </li> <li>• Sekiranya perubahan lebih daripada 30%;</li> </ul> |
|                  |                                   | 1. PLO digugur DAN diganti<br>2. PLO digugur TANPA diganti<br>3. PLO ditambah  |  |
|                  |                                   |  | Perlu dibawa ke mesyuarat <ul style="list-style-type: none"> <li>○ JKPA</li> <li>○ SENAT</li> <li>○ LPU</li> <li>○ JKPT</li> <li>○ Dan pemakluman kepada MQA</li> </ul>  |

|                                |  |  |  |
|--------------------------------|--|--|--|
| Makluman Kursus                | Nama Kursus                                  | Nama kursus berubah tanpa mengubah isi kandungan   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlu dibawa ke mesyuarat <ul style="list-style-type: none"> <li>○ JKPA</li> <li>○ Senat</li> </ul> </li> </ul> |
|                                | Kod Kursus                                   | Kod kursus berubah tanpa mengubah isi kandungan  |  |
|                                | Aktiviti Pengajaran dan pembelajaran         | Pertambahan atau pengurangan di dalam komponen pengajaran dan pembelajaran tanpa mengubah jumlah jam kredit kursus | Perlu dibawa dan diluluskan ke Mesyuarat Jawatan kuasa Akademik Fakulti  |
|                                | Strategi Pentaksiran                         | Pertambahan atau pengurangan di dalam strategi pentaksiran tanpa mengubah jumlah jam kredit kursus                 |  |
|                                | <i>Student Learning Time</i>                 | Perubahan agihan SLT (Learning unit) tanpa mengubah jumlah jam kredit kursus                                       |  |
|                                | Kandungan Kursus                             | Perubahan kandungan kursus 30% atau pun kurang daripada 30%  |  |
|                                | <i>Course Learning Outcome</i>               | Pemurnian CLO tanpa mengubah domain (pengurangan atau pertambahan domain)  |  |
|                                | Kandungan Kursus                             | Perubahan kandungan kursus lebih daripada 30%  |  |
|                                | Jam Kredit                                   | Pengurangan atau pertambahan jam kredit kursus   |  |
| <i>Course Learning Outcome</i> | CLO digugurkan, ditambah atau berubah domain |  |  |

|  |  |  |  |
|--|--|--|--|
|  |  |  | <p>Perlu dibawa ke mesyuarat JKPA</p> <ul style="list-style-type: none"><li>○ SENAT</li><li>○ LPU</li><li>○ JKPT</li><li>○ dan pemakluman kepada MQA</li></ul> |
|--|--|--|--|